

PT3 Praktis 4: Kata Kerja

Buku Teks: m.s. 71

Bahagian A

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kanak-kanak yang terjatuh ke dalam longkang besar semasa hujan lebat itu _____ telah dihanyutkan arus sungai yang deras.
A diingati C dikhuatiri
B dikenali D dihadapi
- 2 Kaki kanan Kelvin _____ ke dalam lubang yang agak dalam semasa dia berjalan di tebing bukit itu.
A terpalit C tersungkur
B terjunam D terperosok
- 3 Pemidato itu _____ hujah dengan lantangnyanya semasa perdebatan itu berlangsung.
A mempamerkan
B memberikan
C mengemukakan
D mengusulkan

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 4 Pelancong itu _____ peta bandar raya Kuala Lumpur untuk mengetahui lokasi tempat-tempat menarik yang dapat dikunjungi oleh mereka.
A meneliti C memeriksa
B mengintai D memandang

B. Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

- | | |
|---|--|
| <ol style="list-style-type: none"> I Kerja-kerja <i>mempertajam</i> jalan raya itu dilakukan pada waktu malam saja. II Jika kita rajin membaca, kita dapat <i>mempertajam</i> akal fikiran. III Sebelum memotong rumput yang panjang itu, Pak Long <i>mempertajam</i> sabitnya. IV Pegawai polis itu <i>mempertajam</i> pendengarannya semasa mengintip kumpulan penyeludup tersebut di tepi tingkap. <p>A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja</p> | <ol style="list-style-type: none"> 2 I Seekor ikan paus dijumpai <i>terhampar</i> di tepi pantai oleh penduduk kampung. II Hakimi <i>terhampar</i> di wad selama tiga minggu akibat daripada kemalangan itu. III Abang membiarkan surat khabar yang sudah dibacanya <i>terhampar</i> di atas katil. IV Pelbagai jenis permaidani dari luar negara <i>terhampar</i> indah di kedai itu. <p>A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja</p> |
|---|--|

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat *satu kesalahan bahasa*. Kenal pasti kesalahan tersebut dan *tulis jawapan* yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) "Saya harap agar awak menepati janji untuk memulangkan buku saya nanti," kata Suresh.

(ii) Ibu dan ayah senyum apabila melihat abang menerima ijazahnya dalam majlis konvokesyen.
